

**NO.SOALAN : 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]**

**TARIKH : 16.11.2015 (ISNIN)**

**PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan perbezaan antara caj perkhidmatan  
yang dikenakan oleh hotel, premis makanan dan minuman dengan cukai  
perkhidmatan yang dikenakan oleh Kerajaan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Cukai Perkhidmatan adalah satu jenis cukai dalam negeri yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Walau bagaimanapun, Akta tersebut telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang mula berkuatkuasa pada 1 April 2015.

Seksyen 9 (1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 menyatakan bahawa cukai barang dan perkhidmatan dikenakan dan dilevikan ke atas sebarang pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia termasuk apa-apa yang dikira sebagai suatu pembekalan di bawah Akta ini dan apa-apa pengimportan ke Malaysia.

Cukai Barang dan Perkhidmatan hanya boleh dilevi dan dikenakan jika perniagaan itu berdaftar. Sesuatu perniagaan tidak bertanggungjawab untuk didaftarkan jika nilai pusingan tahunan pembekalan bercukai tidak mencapai nilai ambang yang ditetapkan. Oleh itu, perniagaan tersebut tidak boleh mengenakan dan memungut Cukai Barang dan Perkhidmatan atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggan mereka. Bagaimanapun, peniaga boleh memohon untuk mendaftar perniagaan secara sukarela.

Cukai Barang dan Perkhidmatan ini dikenakan ke atas apa-apa pembekalan perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh mana-mana orang yang kena membayar cukai (pemegang lesen) dan ini termasuklah perkhidmatan yang melibatkan hotel dan restoran. Kadar cukai ini ditetapkan oleh pihak Kerajaan dan pada masa ini, kadar tersebut adalah 6%.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Caj perkhidmatan pula adalah caj yang dikenakan oleh pihak hotel dan restoran kepada pengguna/pelanggan. Caj ini ditentukan atas persetujuan antara majikan dan pekerja melalui perjanjian kolektif (*collective agreement*) dan bukan merupakan cukai/hasil kepada Kerajaan.

Kadar caj yang dikenakan adalah antara 5% hingga 10%. Caj ini merupakan caj yang dikenakan bagi menggantikan bayaran tip terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja kepada pelanggan/pengguna dan merupakan sebahagian daripada upah pekerja. Caj perkhidmatan ini turut dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan.